

MENANGANI KRISIS DI TIMUR TENGAH: NASIHAT KEPIMPINAN AGAMA SINGAPURA



PERGAS

Office
OF THE
MUFTI

Office of the Mufti

AYN
Asatizah Youth Network

muslim.sg



KANDUNGAN

Pendahuluan	3
Pandangan Islam Berkaitan Krisis dan Keganasan	5
Respon Masyarakat Islam Berpandukan Asas-Asas Agama	8
Peranan Doa	10
<i>Tabayyun</i> dalam Menangani Maklumat Masakini	12
Memahami Hadis-Hadis Akhir Zaman	14
Peranan Masyarakat Islam di dalam Konteks Negara Majmuk	18
Memelihara Generasi Muda	22

Pendahuluan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه أما بعد،

Masyarakat dunia telah dan masih lagi berhadapan dengan situasi getir yang mengorbankan ribuan nyawa rakyat Palestin. Lebih daripada 14,000 nyawa telah hilang termasuk kanak-kanak. Umat Islam di seluruh dunia, termasuk masyarakat Islam di Singapura, amat terkesan disebabkan oleh tiga jenis ikatan, iaitu *ukhuwwah Islamiyah* (persaudaraan dengan penduduk Islam Palestin), kedudukan Masjid Al-Aqsa yang merupakan masjid ketiga paling suci dalam Islam, dan ikatan kemanusiaan.

Keganasan dan kekejaman yang berlaku di Gaza sangat meruntun jiwa. Ia dikeruhkan lagi dengan rasa tidak terdaya dan bersalah bagi kita yang berada jauh sambil menikmati kehidupan yang aman dan selesa. Di samping mencela kezaliman dan keganasan yang ditimpakan ke atas mereka yang lemah dan tertindas, khususnya rakyat Palestin, kita berperanan untuk meredakan keadaan serta mengukuhkan jiwa, bersatu hati dan bertindak sama. Kita harus terus membangunkan masyarakat Islam yang tegak atas prinsip dan nilai yang kukuh, yakin dengan jatidiri, dan kekal menjadi sumber kebaikan kepada masyarakat dan kemanusiaan secara amnya.

Pengamalan prinsip dan nilai ini juga perlu mengambilkira konteks yang berbeza dari satu masyarakat ke masyarakat lain tanpa menggadaikan identiti dan nilai Islam yang luhur. Pendekatan ini mencorak respon kita terhadap krisis luar negara. Sebagaimana kita peka akan tanggungjawab kita sesama Muslim, kita juga harus prihatin akan peranan mengukuhkan perpaduan, mengekalkan keamanan, keharmonian dan keselamatan negara.

Panduan ini terhasil dari pertemuan asatizah dalam Forum Kepimpinan Agama yang telah berlangsung pada 2 November 2023. Ia bertujuan menjelaskan prinsip-prinsip serta nilai-nilai agama yang harus menjadi sandaran dalam respon dan reaksi masyarakat dalam berdepan dengan krisis di Gaza.

Semoga ia membawa manfaat dan membantu masyarakat dalam menghadapi cabaran-cabaran kehidupan yang amat kompleks masakini. Pada masa yang sama kita terus berdoa agar gencatan senjata yang berkekalan dilaksanakan supaya bantuan dapat segera dihulurkan serta mengelakkan kesulitan pada penduduk yang tidak bersalah.

Pandangan Islam Berkaitan Krisis dan Keganasan

Islam menolak segala bentuk kezaliman, tidak kira siapa pelakunya. Kezaliman bercanggah sama sekali dengan prinsip utama Shari'ah, iaitu prinsip keadilan. Nabi Muhammad ﷺ telah bersabda dalam sepotong hadis *qudsi*:

عَنْ أَبِي ذَرِّ الْعِفَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا يَرُوهُ عَنْ رَبِّهِ: (يَا عِبَادِي، إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا فَلَا تَظَالَمُوا) [رواه مسلم]

Yang bermaksud: “Daripada Abu Dzar R.A., daripada baginda Nabi ﷺ seperti yang diriwayatkan daripada Tuhannya, bahawasanya Allah ﷻ berfirman: Wahai hamba-hambaKu, sesungguhnya Aku telah mengharamkan kezaliman ke atas DiriKu, dan Aku telah menjadikan kezaliman itu diharamkan antara kamu, maka janganlah kamu saling menzalimi.” [Hadis riwayat Muslim].

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah dalam membicारा tentang rukun-rukun syariah merumuskan: “Maka setiap perkara yang menyimpang daripada keadilan kepada kezaliman, maka ia bukan dari Shari'ah.”¹

Islam juga menolak segala bentuk keganasan dan penganiayaan terhadap nyawa manusia, tanpa mengira darjat, bangsa atau agama. Allah ﷻ menegaskan,

﴿مَنْ أَجْلٍ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا﴾

¹ Ibn Qayyim, *Ilām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 3:11.

Maksudnya: *“Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu Kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya.”* [Surah al-Ma'idah ayat 32].

Islam sama sekali tidak akan berpihak kepada kezaliman dan penganiayaan terhadap golongan yang lemah dan tidak berdosa seperti kanak-kanak, kaum wanita dan orang tua. Bahkan Islam juga melarang daripada merosakkan harta benda awam, tempat tinggal, rumah-rumah ibadah termasuk penghuninya, binatang-binatang ternakan dan ladang-ladang.

Kerana itu, Islam amat mengambil berat soal prinsip kesejahteraan sejagat (*as-Salâm*) demi memelihara kesucian nyawa manusia, dan tidak pernah mengajak kepada permusuhan. Sekiranya ada ruang untuk mencapai kesejahteraan dan ada peluang untuk mengecap keamanan, maka Islam menggalakkan umatnya untuk menghulurkan tangan kedamaian demi mencapai nilai-nilai tersebut, sehingga dalam peperangan sekalipun. Dalam hal ini, Allah ﷻ berfirman:

﴿وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ﴾

Yang bermaksud: *“Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”* (Surah al-Anfal ayat 61).

Allah ﷻ telah memerintahkan Rasulullah ﷺ untuk mengutamakan perdamaian dan membalas kejahatan dengan kebaikan dalam firmanNya:

﴿وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ﴾

Maksudnya: “*Tidak sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah dengan sesuatu yang lebih baik. Sehingga (dia) yang (ada) di antara kamu dan dia, permusuhan (tiba-tiba) menjadi teman yang rapat.*” (Surah Fussilat ayat 34)

Perlakuan keganasan dan kezaliman adalah sesuatu yang amat dikesali dan tidak dapat diterima manusia yang objektif lagi adil. Nyawa yang terkorban, termasuk bayi dan kanak-kanak serta kehidupan yang dipenuhi dengan bahaya dan risiko pengeboman, pastinya menimbulkan perasaan marah, sedih dan kluatir. Ini kerana perbuatan zalim lagi ganas sedemikian bertentangan dengan naluri kemanusiaan.

Oleh itu, perbuatan kejam dan keganasan sedemikian perlu dihentikan dengan segera. Masyarakat Islam, bersama masyarakat dunia yang menilaikan kesucian nyawa manusia, menyeru semua pihak yang berkuasa untuk berusaha sedaya upaya menghentikan segala bentuk peperangan, kekejaman dan penindasan ke atas golongan yang lemah.

Agama tidak melarang umatnya untuk menyuarakan keprihatinan dan melahirkan kesedihan. Nabi Muhammad ﷺ sendiri berasa sedih ketika kehilangan anaknya, Ibrahim. Baginda menjelaskan tangisannya adalah kerana *rahmah* atau kasih sayang yang telah Allah ﷻ anugerahkan kepada manusia. Namun, Nabi ﷺ telah memberi panduan agar reaksi kita mengikut nilai-nilai yang telah disemai agama dan diredhai Allah ﷻ :

(إِنَّ الْعَيْنَ تَدْمَعُ وَالْقَلْبَ يَحْزَنُ، وَلَا نَقُولُ إِلَّا مَا يُرْضِي رَبَّنَا، وَإِنَّا بِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ لَمَحْزُونُونَ).

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya mata ini menangis dan hati ini berasa sedih, namun kami tidak mengatakan sesuatu kecuali yang diredhai oleh Tuhan kami. Dan sesungguhnya dengan perpisahan ini wahai Ibrahim, kami berasa sangat sedih.*” (Hadith riwayat al-Bukhari).

Respon Masyarakat Islam Berpandukan Asas-Asas Agama

Baginda Nabi ﷺ sentiasa mengajak umatnya untuk mengambil pendekatan yang berhikmah dalam menguruskan emosi serta menghadapi cabaran kehidupan. Pada setiap keadaan, reaksi dan respon, masyarakat Islam harus berpandukan prinsip dan nilai-nilai abadi agama. Ini bertepatan dengan panduan Baginda ﷺ:

(لَا تَكُونُوا إِمَعَةً، تَقُولُونَ: إِنَّ أَحْسَنَ النَّاسِ أَحْسَنًا، وَإِنْ ظَلَمُوا ظَلَمْنَا، وَلَكِنْ وَطِنُوا أَنْفُسَكُمْ، إِنَّ أَحْسَنَ النَّاسِ أَنْ تُحْسِنُوا، وَإِنْ أَسَاءُوا فَلَا تَظْلِمُوا)

Yang bermaksud: *“Janganlah menjadi orang yang mudah terpengaruh, yang berkata: “Jika orang lain berbuat baik, maka kita juga berbuat baik. Tetapi jika mereka berbuat kezaliman, maka kita juga berbuat kezaliman.” Namun, tetapkanlah pendirian kamu. Jika orang lain berbuat baik, maka kamu harus berusaha untuk berbuat lebih baik lagi. Namun jika mereka berbuat jahat, janganlah pula kamu melakukan kezaliman.”* [Hadith riwayat al-Tirmizi]

Reaksi terhadap krisis ini juga tidak terkecuali dari prinsip tersebut. Secara khusus, masyarakat Islam harus memberi tumpuan kepada pendekatan berhikmah dalam menangani krisis di luar negara seperti yang berlaku masakini. Meskipun peristiwa ini membawa ujian yang besar bagi kita sebagai umat Islam, ia juga mendidik kita untuk sentiasa bersangka baik dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah ﷻ. Sepertimana sabda Rasulullah ﷺ dalam hadisnya:

(إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ؛ وَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ، فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَى، وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السُّخْطُ)

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya besarnya ganjaran berserta besarnya ujian, dan sesungguhnya jika Allah ﷻ mencintai sesuatu kaum, pasti Dia menguji mereka. Maka sesiapa redha (dengan ujian tersebut), maka baginya keredhaan (Allah) dan sesiapa yang tidak berpuas hati (dengan ujian tersebut) maka baginya kemurkaanNya.”* (Riwayat al-Tirmizi dan Ibn Majah)

Bagi mereka yang tidak melalui sesuatu ujian pula, sikap prihatin dan peduli terhadap golongan yang dilanda musibah dan kesusahan adalah amat terpuji. Seharusnya tersemat dalam diri setiap orang semangat untuk membela kemanusiaan sejagat dan menyokong segala jenis bantuan kemanusiaan. Nabi Muhammad ﷺ menggalakkan bantuan kemanusiaan sedemikian melalui hadisnya:

(مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَفْعَلْ)

Yang bermaksud: *“Sesiapa antara kamu yang mampu memberikan manfaat kepada saudaranya, maka hendaklah dia segera memberikan manfaat kepadanya.”* [Hadith riwayat Muslim].

Kita harus berusaha meringankan penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin dengan menghulurkan bantuan dalam usaha-usaha kemanusiaan melalui saluran-saluran yang dipercayai, seperti usaha yang dijalankan oleh Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF) dengan kerjasama United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in The Near East (UNRWA). Alhamdulillah, sejauh ini, rakyat Singapura tidak kira latar belakangnya, telah berjaya mengumpulkan sebanyak \$6 juta dan sebahagian daripada derma ini telah berjaya disampaikan kepada mereka yang memerlukannya, baru-baru ini.

Peranan Doa

Sebaik-baik cara untuk menghadapi dilema dan ujian yang sukar lagi mencabar di dalam kehidupan adalah dengan kembali kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa, dan memperbaiki hubungan kita dengan-Nya. Dalam menghadapi saat-saat getir seperti ini, masyarakat Islam harus memperbaharui keimanan dengan memperbanyakkan *taubat nasuha* dan beristighfar kepada Allah ﷻ serta berbaik sangka dengan segala ketentuan Tuhan Yang Maha Bijaksana. Allah ﷻ berfirman:

﴿وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Yang bermaksud: *“Boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.”* (Surah al-Baqarah ayat 216)

Keyakinan kita dengan kuasa Allah ﷻ bermakna kita akan memperbanyakkan berdoa dan meletakkan segala harapan hanya kepada Allah ﷻ, agar merubah keadaan dunia supaya umat manusia kembali aman dan tenang. Doa yang wajar dipanjatkan adalah agar keamanan sejagat dikembalikan, api kemarahan dipadamkan dan dendam dileraikan di samping memohon keselamatan di dunia dan akhirat. Orang yang beriman harus yakin dengan kuasa Allah ﷻ yang mampu merubah permusuhan kepada kasih sayang, seperti yang difirmankan Allah ﷻ:

﴿عَسَىٰ اللَّهُ أَنْ يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ الَّذِينَ كَرِهْتُمْ مَوَدَّةً، وَاللَّهُ قَدِيرٌ، وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Yang bermaksud: *“Mudah-mudahan Allah menimbulkan rasa kasih sayang antara kamu dengan orang-orang yang pernah kamu musuhi dari kalangan mereka. Dan (ingatlah), Allah Maha Berkuasa, dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.* (Surah Al-Mumtahanah ayat 7)

Perbanyakkanlah doa di waktu-waktu mustajab dengan mendirikan solat hajat dan membaca doa *qunut nazilah*. Ini boleh dilakukan secara individu mahupun berjemaah, sama ada di rumah masing-masing ataupun di masjid seperti yang telah dianjurkan oleh masjid-masjid seluruh Singapura. Anda boleh dapati beberapa lafaz doa dan zikir di penghujung panduan ini.

Tabayyun dalam Menangani Maklumat Masakini

Hari ini, maklumat boleh diperolehi dengan begitu mudah melalui wadah-wadah media sosial dan internet. Begitu juga tatkala berlaku krisis ini, di mana pelbagai jenis gambar, video serta maklumat yang disebarluaskan melalui media sosial. Namun, bukan semua yang dibaca atau ditonton adalah fakta dan kebenaran. Umat Islam dinasihatkan agar bersikap bijak dan teliti dalam menyaring maklumat yang diterima supaya dapat dipastikan kesahihan berita terlebih dahulu. Ini adalah perintah Allah ﷻ di dalam Al-Quran agar umat Islam mengamalkan sikap bertabayyun, iaitu menyelidik berita yang diperolehi sebelum disebar atau mengambil sebarang tindakan:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ﴾

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan.”* (Surah al-Hujurat ayat 6).

Seorang Mukmin bertanggungjawab untuk tidak menyebarkan sesuatu yang dia sendiri tidak pasti akan kebenarannya. Ini penting demi mengelakkan kemungkinan orang yang menerima berita tersebut memberikan reaksi yang salah, lantas membawa keburukan dan musibah, dan bukan memperbaiki keadaan. Segalanya bakal dipertanggungjawabkan esok di hadapan Allah ﷻ.

﴿وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا﴾

Yang bermaksud: *“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”* (Surah al-Isra' ayat 36).

Kita harus peka bahawa terdapat pihak-pihak dan individu-individu yang menggunakan wadah media untuk menyebarkan ideologi dan perspektif mereka. Pengguna media sosial boleh terjerat dalam kekeliruan. Ini juga boleh membawa kepada pandangan “soda-straw” yang bermaksud pemahaman atau pandangan terhad dan sempit terhadap sesuatu krisis.

Tidak dinafikan adalah sukar untuk menyaring maklumat dengan baik dalam suasana hari ini. Namun, kita perlu sentiasa berwaspada dan jika kesahihan sesuatu perkara tidak dapat dipastikan, kita tidak seharusnya menyebarkannya.

Agama menuntut kita bersikap adil dalam setiap keadaan, walaupun terhadap golongan yang tidak kita senangi. Allah ﷻ berfirman:

﴿وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ﴾

Yang bermaksud: *“Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Bahkan hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.* (Surah al-Maidah ayat 8)

Memahami Hadis-Hadis Akhir Zaman

Umat Islam digesa untuk terus mengukuhkan kerohanian dan keimanan dengan berpandukan pedoman dari Al-Quran dan Sunnah Nabi ﷺ. Ini terutama di dalam memahami nas-nas serta panduan agama dengan penafsiran yang betul. Terdapat nas-nas agama mengenai peristiwa akhir zaman yang banyak dikongsikan di media sosial tatkala berlaku krisis ini.

Umat Islam perlu merujuk kepada penafsiran para Ulama yang muktabar dan memahami konteks nas-nas ini dengan baik agar tidak berlaku kekeliruan dan ketakutan yang menghalang daripada membuat sumbangan berterusan kepada kesejahteraan dan kemakmuran. Ia tidak boleh difahami hanya mengikut pemahaman akal dan citarasa individu.

Antaranya, nas yang menyatakan bahawa fitnah atau ujian datang secara tiba-tiba, dan dugaannya bertali arus. Nabi ﷺ bersabda:

(يَتَقَارَبُ الزَّمَانُ، وَيُقْبَضُ الْعِلْمُ، وَتَظْهَرُ الْفِتْنُ، وَيُلْقَى الشُّحُّ، وَيَكْثُرُ الْهَرْجُ قَالُوا: وَمَا الْهَرْجُ؟ قَالَ: الْقَتْلُ)

Yang bermaksud: "Masa semakin singkat, ilmu semakin berkurang, fitnah semakin muncul, keserakahan semakin meluas, dan kekacauan semakin banyak. Mereka bertanya: Apa itu kekacauan? Baginda ﷺ menjawab: Pembunuhan." (Hadis riwayat Muslim)

Begitu juga beberapa hadis lain:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يُقَاتِلَ الْمُسْلِمُونَ الْيَهُودَ، فَيَقْتُلُهُمُ الْمُسْلِمُونَ، حَتَّى يَخْتَبِئَ الْيَهُودِيُّ مِنْ وَرَاءِ الْحَجَرِ وَالشَّجَرِ، فَيَقُولُ الْحَجَرُ أَوْ الشَّجَرُ: يَا مُسْلِمُ يَا عَبْدَ اللَّهِ هَذَا يَهُودِيٌّ خَلْفِي، فَتَعَالَ فَاقْتُلْهُ. إِلَّا الْغَرْقَدَ، فَإِنَّهُ مِنْ شَجَرِ الْيَهُودِ)

Yang bermaksud: Daripada Abu Hurairah RA, sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah bersabda: *“Tidak akan tiba hari kiamat sehingga kaum Muslimin berperang melawan kaum Yahudi. Pada ketika itu, kaum Muslimin akan membunuh kaum Yahudi. Sehingga orang Yahudi akan bersembunyi di sebalik pohon dan batu, maka pohon dan batu itu pun berkata: ‘Wahai Muslim, wahai hamba Allah, di sini ada orang Yahudi bersembunyi di belakangku, marilah dan bunuhlah dia’, kecuali pohon Gharqad, kerana ia adalah pohon Yahudi.”* (Muttafaq ‘alaihi).

Mengaitkan hadis-hadis Nabi ﷺ dengan sesuatu peristiwa atau konteks tertentu hanyalah satu tafsiran sahaja. Tiada satu dalil *qat’i* (tetap) yang dapat dijadikan sandaran bahawa peristiwa yang berlaku sekarang ini mempunyai kaitan dengan sesuatu hadis. Bahkan, sebahagian dari hadis-hadis ini telah digunakan oleh kumpulan-kumpulan pelampau dan penganas untuk melakukan jihad melawan orang kafir. Ini bukan perkara baru, dan sebahagian kumpulan penganas telah menggunakan hadis-hadis berkaitan akhir zaman untuk mengajak anak-anak muda menyertai mereka.

Oleh itu, masyarakat Islam harus berhati-hati dari menerima sesuatu naratif dengan hanya berpandukan penafsiran-penafsiran yang samar-samar (*zhanni*) dan menganggapnya sebagai satu kebenaran yang pasti. Bersikap waspada terhadap penafsiran-penafsiran di atas tidak bererti menolak periwayatan sebuah hadis yang sahih. Akan tetapi yang dipersoalkan adalah penafsirannya secara *dirayah* atau memahami *fiqhul hadith* yang tidak menepati penjelasan para ulama.

Panduan Nabi ﷺ dalam membicarakan hadis-hadis akhir zaman seperti hadis *al-Haraj* merupakan peringatan am yang menyentuh keadaan umat manusia tatkala berlaku

banyak peperangan dan pertumpahan darah dalam sejarah, selepas kewafatan Baginda, sama ada yang telah berlaku dan yang akan berlaku.

Yang lebih utama adalah menyedari bahawa secara amnya, fitnah atau ujian akhir zaman merupakan salah satu bentuk ujian kehidupan yang sudah ditentukan oleh Allah ﷻ ke atas hamba-hambaNya. Allah ﷻ menguji hamba-hambaNya siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya. Allah ﷻ berfirman,

﴿الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْعَفُورُ﴾

Yang bermaksud: *“Dia yang telah mencipta kematian dan kehidupan untuk menguji kamu siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya; dan Dia Maha Berkuasa, lagi Maha Pengampun.”* (Surah al-Mulk ayat 2).

Semua ini adalah panduan untuk kita bersiap sedia dengan melakukan amalan kebaikan dan kebajikan dalam menghadapi zaman fitnah. Sabda Nabi ﷺ.

(بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ فِتْنًا كَقَطْعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ، يُصْبِحُ الرَّجُلُ مُؤْمِنًا وَيُمْسِي كَافِرًا وَيُمْسِي مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا، يَبِيعُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا)

Yang bermaksud: *“Hendaklah kamu bersegera melakukan amalan-amalan sebelum datangnya fitnah-fitnah ibarat bahagian-bahagian malam yang gelap gelita. Hal tersebut menjadikan seseorang beriman pada waktu pagi dan kufur pada waktu malam, atau beriman pada waktu malam dan kufur pada waktu pagi. Ini kerana dia menjual agamanya dengan sedikit mata benda dunia.”* (Hadith riwayat Muslim dan al-Tirmizi)]

Dalam sepotong hadith diceritakan:

أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَتَى السَّاعَةُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَا أَعَدَدْتُ لَهَا قَالَ: مَا أَعَدَدْتُ لَهَا مِنْ كَثِيرِ صَلَاةٍ وَلَا صَوْمٍ وَلَا صَدَقَةٍ، وَلَكِنِّي أُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ، قَالَ: أَنْتَ مَعَ مَنْ أَحْبَبْتَ.

Yang bermaksud: "Ada seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah ﷺ. Bila akan terjadi hari kiamat? Baginda bertanya semula kepadanya: "Apa yang telah engkau sediakan untuknya? Lelaki itu pun menjawab: Aku tidak mempersiapkan banyak solat, puasa dan sedekah, akan tetapi sesungguhnya aku mencintai Allah dan RasulNya. Baginda pun bersabda: Engkau bersama orang yang engkau cintai." (Hadith riwayat al-Bukhari).

Baginda ﷺ telah mengalihkan pertanyaan lelaki tersebut kepada sesuatu yang lebih berguna dan bermanfaat buat dirinya iaitu menyediakan amalan kebaikan dan kebajikan yang disulami dengan kecintaan kepada Allah ﷻ dan cinta kepada RasulNya ﷺ.

Di sebalik kedatangan fitnah atau ujian akhir zaman yang cukup mencabar, Baginda ﷺ tidak membiarkan umatnya terkapai-kapai dengan seribu macam bentuk persoalan tanpa menyediakan persiapan wajar untuk menghadapi ujian tersebut. Oleh itu, Baginda ﷺ telah meninggalkan wasiat kepada umatnya agar berlumba-lumba melaksanakan amalan-amalan kebaikan dan kebajikan yang bakal membantu mereka bersiap sebelum terlewat. Bahkan, Baginda ﷺ juga menekankan sikap orang beriman untuk terus melakukan kebaikan walaupun dalam keadaan yang cukup getir dan sukar.

(إِنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَبِيدَ أَحَدِكُمْ فَمَسِيلَةٌ، فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا تَقُومَ حَتَّى يَغْرَسَهَا فَلْيَفْعَلْ)

Yang bermaksud: "Jika hari kiamat tiba dan di tangan salah seorang daripada kamu ada benih, maka jika ia mampu untuk menanamnya sebelum terjadi kiamat, maka hendaklah ia melakukannya." (Hadith riwayat Ahmad).

Peranan Masyarakat Islam dalam Konteks Negara Majmuk

Islam secara intipatinya adalah agama yang cinta pada keamanan dan kesejahteraan, dan membenci perkara yang boleh membawa kepada pelampauan dan penganasan. Sepertimana perintah Allah ﷻ:

﴿ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ﴾

Yang bermaksud: *“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan contoh yang baik dan berdebatlah dengan mereka menggunakan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih tahu siapa yang sesat dari jalanNya dan dia lebih mengetahui akan golongan yang mendapat petunjuk.”* (Surah An-Nahl ayat 125)

Allah ﷻ mengajar kita supaya berdakwah secara hikmah dan menjadi contoh yang baik kepada umat manusia. Ini menjadi asas dan peringatan bagi kita untuk sentiasa mengatur langkah, tutur kata, adab dan etika semasa berdepan dengan isu-isu yang terdedah dengan emosi serta dimensi yang pelbagai.

Allah ﷻ berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ﴾

Yang bermaksud: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa*

dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mengenal.” (Surah Al-Hujurat ayat 13)

Antara perkara terawal yang dibina oleh Baginda Rasulullah ﷺ apabila tiba di Madinah adalah Piagam Madinah. Piagam ini menjadi dasar hubungan sesama pelbagai bangsa, kabilah, agama yang berada di Madinah ketika itu. Dalam piagam ini dinyatakan setiap penduduk Madinah adalah satu masyarakat tanpa membezakan bangsa dan agama mereka. Dasar kesatuan ini sesama agama dengan agama dan bangsa yang lain termasuk orang Nasrani dan Yahudi menjadi nilai penting dalam masyarakat Madinah yang dibina Rasulullah ﷺ sendiri.

Bahkan, Al-Quran amat jelas dalam meletakkan prinsip hubungan masyarakat Islam dengan masyarakat lain dalam suasana hidup yang aman dan damai. Ia mengajak kita supaya berbuat baik (*al-Birr*) dan berlaku adil (*al-Qist*) dengan mereka yang tidak memerangi kita dan tidak mengusir kita dari rumah. Sebagaimana firmanNya di dalam Al-Quran:

﴿ لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴾ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿

Yang bermaksud: *“Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan mereka sebagai kawanmu iaitu orang-orang yang memerangi kamu dalam urusan agama dan mengusir kamu dari kampung halamanmu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Sesiapa menjadikan mereka sebagai kawan, mereka itulah orang-orang yang zalim .”* (Surah al-Mumtahanah ayat 8-9)

Oleh yang demikian, umat Islam perlu bijak membuat keseimbangan dalam melihat dan membuat respon terhadap krisis di luar negara dengan mengambil kira keperluan dan situasi kehidupan di mana mereka berada. Bagi masyarakat Islam di Singapura, kita hidup pada kedudukan yang unik, yang mungkin tidak sama dengan keadaan masyarakat Islam di negara lain. Masyarakat Islam di sini hidup sebagai masyarakat minoriti, masyarakat majmuk dan dalam negara yang sekular. Semangat keSingapuraan kita berpaksi atas dasar keadilan dan prinsip-prinsip luhur kemanusiaan. Allah ﷻ telah berfirman:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu agar berlaku adil, ihsan dan memberi kepada kaum kerabat dan melarang dari keburukan, kemungkaran dan kezaliman. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran.”* (Surah An-Nahl ayat 90)

Banyak usaha di dunia dan di Singapura untuk terus menjalin hubungan baik sesama rakyat berbilang kaum dan agama hingga kini. Hubungan baik ini menjadi dasar keamanan negara Singapura. Kita harus sama-sama peka dan hargai jalinan hubungan baik ini agar tiada krisis luaran yang dapat mengganggu-gugat ikatan yang baik ini.

Oleh itu, adalah suatu kewajipan bagi masyarakat Islam Singapura untuk terus memelihara suasana keamanan di negara ini dan tidak mendedahkannya kepada sebarang ancaman perpecahan mahupun perbalahan yang disebabkan oleh krisis geopolitik. Peranan kita membina masyarakat yang berjaya dan gemilang, yang yakin hidup di tengah-tengah kepelbagaian serta mempunyai hubungan positif dengan masyarakat lain, adalah satu usaha dan pencapaian yang bukan remeh.

Malah, krisis yang berlaku adalah bukti betapa sukar umat manusia hidup dengan aman dan damai. Oleh yang demikian, adalah tanggungjawab kita untuk memelihara kesejahteraan yang dinikmati selama ini, yang boleh menjadi contoh bagi negara lain dalam menangani kepelbagaian dengan cara yang baik.

Tanggungjawab menguruskan kehidupan individu, keluarga serta masyarakat, juga tidak luput dengan adanya krisis di luar negara. Bahkan, inilah masanya untuk kita memperkukuhkan lagi keadaan masing-masing, dari segi pendidikan, ekonomi, pekerjaan dan sebagainya, dan bukan melemahkan keadaan dengan mengambil tindakan yang tidak wajar seperti berhenti bekerja atau tidak lagi mahu terlibat dalam usaha mempertingkatkan masyarakat tempatan.

Sebaliknya, pengalaman dan krisis luar negara ini menekankan pentingnya kita memelihara dan memperkukuhkan keadaan di tanahair sendiri. Keadaan aman dan damai ini adalah anugerah Allah dan amanah di tangan kita. Kita bertanggungjawab memeliharanya dan memberi sumbangan kepada memperbaiki keadaan dunia tatkala berlaku kekecohan dan pergolakan.



Memelihara Generasi Muda

Ramai yang terdedah dan terkesan dengan krisis ini melalui media sosial, termasuk golongan muda. Kegusaran ini mampu mematahkan semangat mereka untuk mengimbangi kemajuan dunia dan kejayaan akhirat. Bahkan, kesedihan dan kekhuatiran yang amat sangat boleh menimbulkan keresahan yang mula menjejaskan kehidupan.

Oleh itu, setiap dari kita perlu mempunyai sumber sokongan di sekeliling, seperti keluarga sendiri, rakan-rakan, guru atau asatizah. Melalui rangkaian sokongan ini, kita boleh meluahkan perasaan dan kekhuatiran mereka, serta mendapat perspektif yang berbeza yang dapat mengimbangi pandangan mereka.

Carilah bantuan profesional jika keadaan dan kesihatan kita mula tidak terkawal dan jangan biarkan situasi sedemikian melarat. Terdapat beberapa saluran yang dapat membantu. Antaranya adalah khidmat “*Asatizah Solace Care*” yang dikendalikan oleh Pergas. Melalui khidmat ini, para asatizah yang terlatih akan mendengar serta membantu dari segi sokongan emosi dan kerohanian.

Satu lagi saluran adalah “*MySafeSpace*”, di mana seseorang boleh ajukan apa sahaja soalan, termasuk yang sensitif mahupun kontroversial. Para asatizah terlatih akan memberi bimbingan yang bersesuaian bagi persoalan yang dihadapi. Sila [lunsi](#) [lelaman ini](#) untuk mendapatkan senarai asatizah dari Asatizah Youth Network (AYN).

Di samping itu, disebabkan krisis berasaskan kekerasan ini, beberapa kumpulan pelampau dan penganas mengambil kesempatan untuk melancarkan serangan penganas dengan menyalahgunakan nama jihad. Ini kerana diantara strategi utama kumpulan-kumpulan penganas dan juga pendakwah radikal untuk mendapatkan sokongan adalah dengan mengeksploitasikan internet dan media sosial.

Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) yang dianggotai para Asatizah tempatan mempunyai wadah Talian Bantuan atau Helpline (1800-7747747) yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Islam terutama sekali generasi muda. Wadah Helpline yang dilancarkan pada 2015 ini merupakan usaha berterusan RRG mendekati masyarakat dan memberi khidmat kepada yang memerlukan. Orang ramai boleh menghubungi Helpline RRG untuk mendapatkan penjelasan konsep agama atau mendapatkan bantuan sekiranya mereka mengesyaki seseorang yang mereka kenali mungkin terpengaruh dengan fahaman radikal.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم والحمد لله رب العالمين

Doa dan Zikir Tatkala Mendapat Ujian

- Doa Qunut Nazilah

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنَا فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ وَقِنَا شَرَّ مَا قَضَيْتَ
فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُفْضَى عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ وَلَا يَعْزُّ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ فَلَكَ الْحَمْدُ
عَلَى مَا قَضَيْتَ وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَتُوبُ إِلَيْكَ

اللَّهُمَّ إِنَّا نَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ، وَنَسْأَلُكَ بِحَقِّ رَحْمَتِكَ وَلُطْفِكَ، أَنْ تَنْظُرَ إِلَيْنَا وَإِلَى خَلْقِكَ أَجْمَعِينَ

اللَّهُمَّ قَدْ أُغْلِقَتِ الْأَبْوَابُ إِلَّا بَابُكَ، وَقَدْ انْقَطَعَتِ الْأَسْبَابُ إِلَّا إِلَيْكَ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِكَ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْأَمْنَ وَالْأَمَانَ، وَالسَّلَامَ وَالسَّلَامَ، فِي الْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَأَدِّمْ عَلَيْنَا وَعَلَيْهِمْ هَذِهِ
النِّعَمَ، فِي أَنْفُسِنَا وَأَنْفُسِهِمْ، وَأَبْنَائِنَا وَأَبْنَائِهِمْ، وَدِيَارِنَا وَدِيَارِهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتُوْدِعُكَ بَيْتَ الْمُقَدَّسِ وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى وَكُلَّ فَلَسْطِينٍ يَا مَنْ لَا تَضِيغُ عِنْدَهُ الْوَدَائِعُ

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَاةٍ وَفِي فَلَسْطِينٍ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ خُذْ بِأَيْدِيهِمْ،
وَاحْفَظْهُمْ، وَالطُّفْ بِهِمْ، وَكُفَّ أَيْدِي الْمَاكِرِينَ بِهِمْ

اللَّهُمَّ كُنْ عَوْنًا لَهُمْ مِنْ شُرُورِ الظَّالِمِينَ، وَارْفَعْ عَنْهُمْ الْأَذَى وَالظُّلْمَ، وَجَمِيعَ أَنْوَاعِ الْفِتَنِ وَالْمِحَنِ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، وَالطُّفْ بِهِمْ فِي مَا جَرَتْ بِهِ الْمُقَادِيرُ، فِي عَافِيَةٍ وَسَلَامَةٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ شُحْدَاءَهُمْ، وَدَاوِ جَرَحَهُمْ، وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ عَلَى قُلُوبِهِمْ، وَبَيِّدْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَخُزِّنْهُمْ فَرَحًا، وَهَمِّهِمْ
فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

اللَّهُمَّ حُلِّ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَنْ عَادَاهُمْ، اللَّهُمَّ أَلْهِمَّهُمْ رُشْدَهُمْ وَافْتَحْ عَلَيْهِمْ أَبْوَابَ الْحِكْمَةِ وَالْأَمَانِ، وَالْعَفْوِ وَالْغُفْرَانِ
يَا حَنَّانُ يَا مَنَّانُ يَا بَدِيعَ السَّمَوَاتِ وَالْأَكْوَانِ وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

"Ya Allah, pandulah kami dengan orang yang Engkau telah pandukan dan berikanlah aku keselamatan bersama orang yang Engkau telah memberikan keselamatan. Bawa aku ke bawah perhatianMu bersama orang yang Engkau telah bawa ke bawah perhatianMu. Berkati aku dengan apa yang Engkau telah berikan kepadaku. Lindungi aku dari kejahatan yang Engkau telah tetapkan.

Sesungguhnya, Engkaulah yang memegang perintah dan tidak diperintah, dan tidak ada seorang pun yang Engkau telah ambil ke bawah perhatian-Mu akan direndahkan. Dan tidak ada seorang pun yang Engkau jadikan musuh akan merasai kemuliaan. Engkau Maha Suci, Tuhan kami yang Maha Tinggi. Segala puji bagiMu atas segala ketetapanMu. Aku memohon keampunan-Mu, dan aku bertaubat kepadaMu.

Wahai Allah, kami berpaling kepadaMu, dan kami memohon kepadaMu, dengan rahmat dan kelembutanMu, untuk memandangi kami (dengan penuh perhatian) dan seluruh ciptaanMu. Wahai Allah, semua pintu telah tertutup kecuali pintuMu, dan semua sebab telah berhenti kecuali sebabMu. Tiada daya atau kekuatan melainkan denganMu, ya Tuhan seru sekalian alam.

Ya Allah, kami memohon kepadaMu keselamatan, keamanan, kedamaian, dan ketenteraman bagi seluruh dunia dan semua manusia. Dan peliharalah nikmat ini bagi kami, anak-anak kami, dan rumah kami, wahai Tuhan seru sekalian alam.

Ya Allah kami serahkan urusan Baitulmaqdis, Masjid al-Aqsa dan seluruh Palestin di bawah pemeliharaanMu, wahai Tuhan yang tidak akan membiarkan segala sesuatu yang berada di bawah pemeliharaanMu.

Ya Allah, bantulah saudara-saudari kami yang rentan di Gaza dan di Palestin. Dan di semua tempat, ya Yang Maha Pemurah di antara yang pemurah. Ya Allah, peganglah mereka dengan tanganMu, lindungilah mereka, berikanlah kelembutan kepada mereka, dan tindaslah tipu daya. Ya Allah, berikanlah mereka perlindunganMu dari para penindas dan singkirkanlah dari mereka bahaya dan penindasan serta segala macam kesusahan dan cobaan, baik yang nyata maupun yang tersembunyi. Berikanlah kelembutan kepada mereka dari ketetapanMu, dalam keselamatan dan kesejahteraan, dengan rahmatMu, ya Yang Maha Pemurah di antara yang pemurah.

Ya Allah, berikanlah ganjaran kepada para korban, rawatlah yang terluka, tanamkan ketenangan dalam hati mereka, teguhkan ketakutan mereka dengan keyakinan, ubah kesedihan mereka dengan kebahagiaan, ya Tuhan seru sekalian alam.

Ya Allah, jadikanlah perbezaan antara mereka dan musuh mereka. Ya Allah, ilhamkanlah mereka dengan petunjukMu, bukannya bagi mereka pintu-pintu hikmah, keselamatan, pengampunan, dan keampunan, wahai Yang Maha Pengasih, Yang Maha Pemberi Kebaikan, Yang Pencipta Langit dan Alam."

- **Doa Selepas Tasyahud Akhir Sebelum Memberi Salam Pertama:**

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: “Rasulullah ﷺ bersabda: “Apabila salah seorang daripada kamu bertasyahud (akhir), hendaklah dia memohon perlindungan Allah ﷻ daripada empat perkara:

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ
الدَّجَالِ)

Yang bermaksud: “Ya Allah, aku memohon perlindunganMu dari azab neraka Jahannam, dan dari azab kubur, dan daripada ujian kehidupan dan kematian, dan daripada keburukan fitnah al-Masih al-Dajjal.” (Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- **Surah Al-Kahfi, 10 Ayat Pertama dan 10 Ayat Terakhir**

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ،
عُصِمَ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَالِ)

- Yang berkasud: Daripada Abu Darda' RA, daripada Nabi ﷺ bersabda, “Sesiapa yang menghafal sepuluh ayat pertama dari surah Al-Kahfi, maka dia akan terpelihara daripada Dajjal.” Dalam riwayat lain ada menyebutkan:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (مَنْ قَرَأَ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ سُورَةِ
الْكَهْفِ، عُصِمَ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَالِ)

- Yang bermaksud: Daripada Abu Darda' RA, dia berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda “Sesiapa yang membaca sepuluh ayat terakhir dari surah Al-Kahfi, maka dia akan terpelihara daripada Dajjal.” (Hadith riwayat Muslim).

- **Doa memohon Rahmat Allah ﷻ**

(يَا لَطِيفًا لَمْ يَزَلْ أَلْفُفٌ بِنَا فِيمَا نَزَلَ إِنَّكَ لَطِيفٌ لَمْ تَزَلْ أَلْفُفٌ بِنَا وَالْمُسْلِمِينَ)

- Yang bermaksud: *“Ya Allah Yang Maha Lembut, santunilah kami (dengan kelembutanMu) pada segala apa yang telah ditakdirkan. Sesungguhnya Engkau sentiasa Maha Lembut, santunilah kami dan sekalian kaum muslimin (dengan kelembutanMu).”* (Doa Imam Umar bin Abdul Rahman Al-Attas)

- **Doa ketika ditimpa kesusahan**

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Yang bermaksud: *“Cukuplah Allah bagiku dan Dia adalah sebaik-baik pelindung”*

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Yang bermaksud: *“Tiada Tuhan selain Engkau, Maha Suci Engkau, sungguh aku termasuk orang yang zalim.”*

